

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 SEPTEMBER 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 22
SURAT

BNM ada ruang turunkan lagi OPR sebanyak 25 mata asas

BNM ada ruang turunkan lagi OPR sebanyak 25 mata asas

Bank Negara Malaysia (BNM) dilihat ada ruang untuk menurunkan lagi Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas lagi, bergantung kepada situasi ekonomi Malaysia.

Ahli Ekonomi ASEAN Kanan OCBC Bank, Lavanya Venkateswaran, berkata tempoh masa bagi pemotongan kadar ini dilaksanakan bagaimanapun masih belum pasti kerana BNM mungkin memerlukan data yang secara konsisten mengecewakan sebelum mempertimbangkan pelonggaran lanjut.

"Kami menjangkakan data bermula Ogos menunjukkan peningkatan dalam pasaran dan akan memantau data yang akan diterbitkan."

"Ini termasuk perangkaan perdagangan bagi Ogos dan September yang masing-masing akan diterbitkan pada 19 September dan 17 Oktober, pengeluaran perindustrian serta dagangan borong dan runcit bagi Ogos (akan diterbitkan 10 Oktober) dan anggaran awal Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku ketiga 2025 (akan diterbitkan 17 Oktober) untuk menilai langkah seterusnya pada mesyuarat 6 November."

"Selain itu, pengumuman Belanjawan 2026 pada 10 Oktober ini juga akan menjadi faktor penting," katanya dalam satu nota.

BNM berkata, komite moneter yang dikeluarkan oleh BNM pada mesyuarat bulan ini

mencadangkan bahawa kejutan negatif yang ketara terhadap pertumbuhan diperlukan untuk mendorong bank pusat itu mengubah kadar dasar semasa.

"Namun begitu, kami menjangkakan laluan pertumbuhan lebih perlahan iaitu 3.5 peratus pada separuh kedua 2025 berbanding 4.4 peratus pada separuh pertama 2025, apabila kesan daripada pengeksportan awal ke Amerika Syarikat (AS) mulai pudar dan permintaan domestik turut perlahan secara sederhana."

"Ini akan membawa pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini kepada 3.9 peratus, di bawah julat unjuran BNM iaitu 4.0 hingga 4.8 peratus."

"Bagi 2026, kami menjangkakan pertumbuhan KDNK sebanyak 3.8 peratus, disebabkan oleh kesan asas daripada aktiviti pengeksportan awal yang menekan pertumbuhan pada separuh pertama 2026. Ini turut memberi kesan kepada sektor borong dan runcit, walaupun pertumbuhan dijangka meningkat dengan lebih meyakinkan pada separuh kedua 2026," katanya.

BNM menerusi Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) dalam mesyuarat bagi September, Khamis lalu memutuskan untuk mengekalkan OPR pada 2.75 peratus, selaras dengan jangkaan pasaran dan unjuran OCBC Bank sendiri.